



Khamis – 7 Januari 2021

Halaman : 9

JKM bantu dua kampung Orang Asli terputus hubungan

Kluang: Dua kampung Orang Asli yang terputus hubungan sejak Sabtu lalu menerima bekalan makanan yang disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kelmarin.

Pegawai Pembangunan Masyarakat Kluang, P Thanaselan berkata, dua perkampungan berkenaan Kampung Orang Asli Pucur yang mempunyai 84 penduduk daripada 22 keluarga.

Katanya, turut menerima bekalan makanan 122 penduduk daripada 37 keluarga di Kampung Orang Asli Sungai Peroh.

“Antara bekalan makanan dihantar 295 kilogram beras, 59 kilogram gula, 59 paket garam dan 295 tin sardin.

“Barang makanan lain dihantar 177 bungkus biskut, 59 paket serbuk kopi, 59 kilogram minyak masak, 177 bungkus bihun, 66 kilogram bawang besar dan 100 botol air mineral,” katanya.

Katanya, proses penghantaran bantuan menggunakan lapan bot Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Turut serta dalam misi bantuan itu adalah Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Faisal Long dan Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Low Hang Seng.

Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Yusri Abdullah ketika dihubungi berterima kasih atas keprihatinan pihak yang bertungkus-lumus untuk menghantar bekalan makanan kepada penduduk.

“Memang sudah dijangka dua perkampungan kami akan menerima impak banjir ini namun ia agak lewat berbanding kawasan lain di bahagian hulu Sungai Sembrong dan Sungai Kahang,” katanya.